

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 7 February 1969 > Page 2 > Menteri: Kita tunggu Jakarta

Menteri: Kita tunggu Jakarta

Berita Harian, 7 February 1969, Page 2

Article also available on [Microfilm Reel NL5811](#)

[★ Add to Citation](#)

[Previous Article](#)

[Next Article](#)

[Previous Page](#)

[Next Page](#)

Menteri: Kita tunggu Jakarta

EJAAN: BILA-KAH DI-LAKSANAKAN

**KUALA LUMPUR,
Khamis**

MENTERI Keadilan, Enche Bahaman bin Shamsuddin hari ini berkata bahawa Kerajaan belum dapat mempelupori pelaksanaan ejaan baru di negeri ini kerana kerajaan Indonesia belum memberi persetujuan rasmi.

Beliau berkata demikian sa-bagai menjawab desakan **ENCHE AHMAD ARSHAD** (Per-Muar Utara) ketika menggulong debat peruntukan Kementerian-nya berjumlah \$8.1 juta di Dewan Ra'ayat pagi tadi.

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
7 February 1969

Reel Number:
NL5811

[Scroll to Top](#)

Share [Email](#) [Print](#) [Facebook](#) [Twitter](#) [Link](#)

Table of Contents

[Previous](#) | [Page 2](#) | [Next](#)

SEBAB GURU2 TIDAK MAHU SERAHKAN BIASISWA KAPADA YAYASAN MARA

SEBAB GURU2 TIDAK MAHU SERAHKAN BIASISWA KAPADA YAYASAN MARA ITUALA

ORKES LAGU2 HONGHUA MENGADAKAN KONSET DI-PANGGONG

ORKES LAGU2 HONGHUA MENGADAKAN KONSET DI-PANGGONG CSHOAPURA, Kha- Orkei

[Bersidang](#)

[View Full Table of Contents](#)

Enche Anmad mende-
sak supaya semua surat2
dan risalah2 yang di-
cetak oleh Jabatan Per-
chetakan Kerajaan mulai
sekarang menggunakan
ejaan baru itu.

"Ini la-lah supaya pe-
nerbitan2 lain kelak akan
menuruti-nya dalam me-
laksanakan sistem ejaan
baru itu." kata-nya.

Persetujuan

Enche Bahaman mene-
gaskan: "Pelaksanaan
ejaan baharu itu belum
dapat di-lakukan seka-
rang kerana kerajaan In-
donesia belum memberi
persetujuan rasmi.

"Bagaimana pun, Jaba-
tan Perchetakan Kera-
jaan sedia menggunakan-
nya bila persetujuan itu
telah di-buat."

Terdahulu dari itu, DR.
TAN CHEE KHOON (Ge-
rakan-Batu) menudoh
bahawa tahanan2 politik
tidak di-beri layanan
yang sempurna. Kemah2
tahanan kurang bahan2
behaan dan tidak ada
kebebasan bergerak di-
dalam-nya.

TUAN HAJI ABU
BAHAR HAMZAH (Pas-
Bachok) menda'awa ba-
hawa layanan di-kemah
tahanan Taiping sangat
menyedehkan dan me-
nyeru Kementerian
membalki-nya.

Ketika membenteng
peruntukan itu petang se-
malam, Enche Bahaman

berkata bahawa sa-buah
penjara baru yang besar
akan di-bena di-Kajang
tidak lama lagi.

Penjara itu kelak akan
menggantikan penjara
Pudu dan Penjara Serem-
ban.

Enche Bahaman mem-
beri jaminan bahwa
keadaan layanan di-ke-
mah2 tahanan akan di-
baiki.

"Bagaimana pun Ke-
rajaan tidak-lah dapat
memberikan kemudahan
sa-penoh-nya kepada se-
mula kemah2 tahanan ke-
rana kekurangan wang."

Peruntukan itu kemu-
dian di-luluskan.

Inche Bahaman juga
berkata samentak merde-
ka sa-ramai 2,240 orang
telah membunuh diri dan
213 orang lagi chuba
membunuh diri.

Umum-nya, orang2 itu

membunuh diri atau chu-
ba membunuh diri kerana
sakit otak, sebab2 keluar-
ga, kesulitan wang dan
sebab2 perchintaan.

Fertanyaan tentang ini
di-buat oleh Enche Ah-
mad Arshad (Per: Muar
Utara).

Sementara itu, ketika
menjawab satu perta-
nyaan Enche Ahmad juga
dalam soal Biro Bantuan
Peguam, Enche Bahaman
berkata bahawa sa-buah
jawatankuasa telah di-
bentok untuk mengkaji
perkara tersebut dan la-
poran-nya akan di-sam-
paikan kepada Kerajaan
sadikit masa lagi.



ENCHE AHMAD ARSHAD

Related Articles

No related article found.

